

## **PERLAKSANAAN SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM UNIVERSITI AWAM DI JOHOR**

### ***THE IMPLEMENTATION OF PRAYER AMONG MUSLIM STUDENTS IN PUBLIC UNIVERSITIES IN JOHOR***

**Faisal Husen Ismail**

Centre For General Studies and Co-curricular,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

**Mohd Shafiq Sahimi**

Centre For General Studies and Co-curricular,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

**Abd Shakor Borham\***

Centre For General Studies and Co-curricular,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

**Shakila Ahmad**

Centre For General Studies and Co-curricular,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

**Faishal Zakaria**

Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia

\*Corresponding Author's Email: shakor@uthm.edu.my

---

#### **Article History:**

*Received : 19 March 2025*

*Accepted : 10 April 2025*

*Published : 26 June 2025*

*© Penerbit Universiti Islam Melaka*

---

#### **To cite this article:**

Husen Ismail, F., Sahimi, M. S., Borham, A. S., Ahmad, S. & Zakaria, F. (2025). Perlaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar Muslim Universiti Awam di Johor. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 76-94.

#### **ABSTRAK**

Antara kayu ukur kuatnya iman seorang Muslim adalah penghayatan terhadap amalan solat. Malangnya isu pengabaian solat dipandang tidak serius oleh

masyarakat Islam pada masa kini. Pelbagai alasan diberi terhadap penangguhan solat. Justeru kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar di universiti awam di Johor. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan solat di kalangan pelajar; mengenal pasti persepsi pelajar Muslim terhadap pentingnya solat; serta mencadangkan strategi yang sesuai untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen pelajar terhadap solat. Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar di universiti awam yang berada di Pagoh (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)) Kaedah pengumpulan data dilakukan adalah melalui kaedah soal selidik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa fasiliti dan program yang dianjurkan oleh universiti memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar menunaikan solat. Kajian juga mendapati penganjuran program-program yang meningkatkan kefahaman dan amalan solat perlu dilakukan pihak universiti. Didikan keluarga penting untuk mendorong pelajar menjaga solat. Namun, cabaran seperti jadual akademik yang padat perlu diatasi untuk memastikan solat dapat dilakukan secara konsisten. Selain itu, persepsi pelajar tentang pelaksanaan solat di universiti awam di Johor berada pada tahap yang baik. Mereka berkeyakinan solat penting untuk ditunaikan tepat pada waktunya walaupun walaupun dalam keadaan sibuk. Walau bagaimanapun, sebilangan pelajar mengakui kerap tertinggal solat akibat kesibukan kuliah. Malangnya ada dikalangan pelajar menganggap solat sebagai beban dan tidak mampu untuk melakukannya. Justeru kerjasama universiti dengan pihak luar, seperti jabatan agama mengadakan program seperti “Subuh macam Jumaat” boleh dicadangkan untuk memotivasi pelajar. Penggunaan teknologi dan media sosial juga dianggap penting untuk menyebarkan maklumat berkaitan solat dan memotivasi pelajar. Kertas kerja ini akan memberikan input dan cadangan kepada peningkatan tahap penghayatan solat khusus bagi universiti awam di Pagoh, dan kepada pusat pengajian tinggi lainnya.

**Kata kunci:** pelaksanaan solat, universiti awam, pelajar muslim, Johor

## **ABSTRACT**

*One of the key indicators of a Muslim’s strong faith is their devotion to prayer. Unfortunately, the issue of neglecting prayer is not taken seriously by the Muslim community today, with various excuses being given for delaying it. This study was conducted among students at public universities in Johor to examine the factors influencing the frequency of prayer, identify Muslim students’ perceptions of the importance of prayer, and propose suitable strategies to enhance students’ understanding and commitment to performing prayer. The study involved 100 respondents from public universities in Pagoh, including Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), the International Islamic University Malaysia (IIUM), and Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN). Data was collected using a questionnaire survey. The findings indicate that university facilities and programs play a crucial role in encouraging students to perform prayer. The study also found that universities should organize more programs to enhance students’ understanding and practice of prayer. Family*

*upbringing is essential in encouraging students to maintain their prayers, but challenges such as a demanding academic schedule must be addressed to ensure consistent prayer observance. Furthermore, students' perception of prayer practices at public universities in Johor is generally favorable. They believe prayer should be performed on time, even during busy periods. However, some students admitted to frequently missing prayers due to academic commitments, and a small number viewed prayer as a burden and felt unable to perform it regularly. Collaboration between universities and external organizations, such as religious departments, can be suggested to address this. Programs like "Subuh Macam Jumaat" (Fajr Like Friday Prayer) could be introduced to motivate students. Additionally, using technology and social media is an effective means to disseminate information about prayer and encourage students to be more consistent. This paper provides insights and recommendations to enhance the practice and appreciation of prayer, precisely for public universities in Pagoh and other higher education institutions.*

**Keywords:** *prayer implementation, public university, muslim students, Johor*

## **1.0 PENGENALAN**

Islam adalah agama yang berdasarkan fitrah. Allah SWT menurunkan agama Islam yang selari dengan keperluan dan adil sebagai panduan kepada manusia (Abdullah, A. S. & Ahmad, N. M., 2023). Sebagai cara hidup, Islam membincangkan semua perkara berkaitan urusan dunia mahupun urusan akhirat. Ianya bermula dari urusan kecil, seperti urusan masuk ke tandas, hingga yang perkara besar seperti mengetuai negara. Antara amalan penting dalam Islam yang menunjukkan tentang ketaatan seorang Muslim ialah menunaikan tuntutan mendirikan solat.

Solat fardhu adalah ibu segala amalan yang menjadi asas agama Islam. Menurut Hasna Bidin (2016), solat dianggap sebagai amalan yang mulia di sisi Allah, dan ia mempunyai keupayaan untuk mendidik jiwa dan rohani setiap individu. Selain itu, ia bertujuan untuk mengangkat martabat manusia yang sering melakukannya, serta menghalang pelakunya daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Untuk mencapai matlamat dan tujuan ini, solat hendaklah dilakukan dengan sepenuh perhatian dan ikhlas, serta dengan kecintaan yang penuh terhadap Allah SWT, khaliq yang mencipta kita. Seperti yang dinyatakan oleh Hasna Bidin (2016), penglibatan pelajar dalam solat perlu dilaksanakan dari segi kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan. Ia tidak cukup untuk hanya mewajibkannya sebagai penguatkuasaan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Hilmie Ismail (2010), beliau menyatakan bahawa amalan solat amat penting untuk mendidik anak-anak. Pada hakikatnya, pendidikan awal, adalah proses yang sangat sukar, ia memainkan peranan penting dalam menentukan arah hidup generasi seterusnya. Walau bagaimanapun, jika zaman kanak-kanak dibiarkan berlalu tanpa terdedah kepada agama akan memberi kesan buruk kepada mereka pada masa akan datang. Solat memberi pelajaran kepada kanak-kanak untuk mendapat pendidikan yang baik dan menjadi individu yang patuh kepada tuntutan agama.

Sehubungan itu, kewajipan solat merupakan tiang agama menjadi perintah utama yang mesti diikuti oleh setiap individu yang mengakui sebagai seorang yang beragama Islam. Sepenuhnya melaksanakan solat mengikut arahan syarak bersama-sama dengan penghayatan yang sebenar boleh memberi kesan kepada perkara positif bagi setiap individu yang beragama Islam (Hilmi Ismail, 2010).

Justeru itu, kewajipan untuk melakukan solat ini adalah perintah Allah SWT yang penting dan memberi manfaat kepada perubahan manusia. Untuk menjadi sebahagian daripada orang yang beriman, solat harus dilakukan dengan ikhlas demi mendekatkan diri kepada Allah SWT (Ramyani, I., 2022). Justeru kajian ini dijalankan untuk mengkaji perlaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di universiti awam di Johor. Kajian ini memfokuskan kepada universiti Tun Hussein Onn Malaysia sahaja. Kajian ini penting kerana solat merupakan salah satu rukun Islam yang kedua dan menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk melaksanakannya, termasuk pelajar universiti.

Justeru kajian dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan solat dalam kalangan pelajar; mengenal pasti persepsi pelajar Muslim terhadap pentingnya solat dalam kehidupan universiti; serta mencadangkan strategi yang sesuai untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen pelajar terhadap solat.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Shafi et al., (2021) menyatakan sikap umat Islam di Malaysia dalam menunaikan ajaran Islam khususnya ibadah solat, ramai yang mengabaikan kewajipan solat. Pelaksanaan solat di kalangan pelajar Muslim seringkali terjejas oleh pelbagai faktor. Situasi ini menyokong kenyataan Hasna Bidin (2016) bahawa Perlaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di universiti awam menjadi isu yang perlu mendapat perhatian yang serius. Masalah ini kerap kali berlaku kerana kurangnya kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan solat dalam kehidupan seorang Muslim.



**Gambar 1:** Pelaksanaan solat harus diterapkan kepada pelajar Islam

Salah satu faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan solat adalah cabaran akademik. Pelajar universiti sering menghadapi jadual yang padat dan tekanan untuk menyelesaikan tugas dan ujian (Xavier, M., & Meneses, J., 2022). Hal ini boleh membuatkan mereka terleka daripada menunaikan solat secara istiqamah. Menurut hasil kajian Marzuki, M. K., Abd Rahman, M. M. & Ismail, A. (2018), sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu adalah kurang memuaskan. Kekurangnya fasiliti solat yang sesuai juga menjadi satu cabaran. Universiti awam di Johor mungkin tidak menyediakan surau solat yang mencukupi atau fasiliti wuduk yang bersih dan selesa. Keadaan ini boleh mempengaruhi kekhusukan dan keselesaan pelajar dalam menunaikan solat. Ketika kekurangan ini berlaku, pelajar mungkin menghadapi kesulitan untuk menunaikan solat dengan sempurna.

Faktor persekitaran juga memainkan peranan penting dalam sokongan melaksanakan solat dalam kalangan pelajar (Zahari, S. Z. M., Mohamed, A., Azmi, F., Othman, M. M., Malkan, S. N. A. & Hassan, N. H. C., 2024). Kemudahan solat yang selesa, bersih, dan terawat dengan baik antara faktor membantu pelajar melaksanakan solat. Hal ini dapat membentuk persekitaran yang kondusif untuk pembangunan spiritual dan keagamaan mahasiswa, serta memupuk nilai-nilai kesederhanaan dan kebersamaan dalam kalangan pelajar.

Pelaksanaan solat yang tidak konsisten dalam kalangan pelajat dilihat sebagai isu penting untuk dikaji. Hal ini kerana pengabaian solat menunjukkan kepada kelemahan keimanan seorang Muslim serta patut menjadi perhatian semua pihak. Justeru persoalan kajian adalah berkaitan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan solat di kalangan pelajar?; Sejauh manakah fahaman pelajar muslim terhadap kepentingan solat dalam kehidupan universiti; Bagaimanakah cara yang sesuai untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen pelajar terhadap solat.

### 3.0 TINJAUAN LITERATUR

Solat merupakan perkara yang diwajibkan bagi setiap umat Islam dan merupakan tiang agama dalam Islam. Solat juga adalah merupakan rukun Islam yang kedua sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنْيَ الْإِسْلَامِ عَلَىٰ حَمْسٍ شَهَادَةٌ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الرِّزْكَةِ وَالْحِجَّةِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Dari ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Islam itu dibina dan ditegakkan di atas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucap dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah” (Bukhari, 1995).

Merujuk kepada huraiyan yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani (148 H) bahawa hadis di atas menunjukkan bahawa iman itu bermula dengan *tasdiq bil Qalbi* (keyakinan), *tasdiq bil lisan* (mengucap syahadah) dan kemudiannya ‘*amal bil jawarih au bil arkan* (beramal dengan anggota) seperti solat, zakat, puasa dan haji. Maka turutan amalan-amalan Islam yang disebut sebagai ‘*amal bil jawarih au bil arkan*, maka solat adalah ibadah yang paling utama dan menjadi asas dalam Islam (Ismail, F. H., Masruri, M., Kirin, A., Sharifuddin, A. & Muzana, Z., 2021).

Namun begitu, pada masa kini terdapat golongan Muslim yang tidak mengambil berat terhadap solat. Bahkan solat terdapat kebaikan dan hikmah disebalik pelaksanaannya. Kajian Ibrahim, M. Y. (2019) mendedahkan sikap umat Islam di Malaysia yang cuai daripada menunaikan solat serta tanpa segan silu meninggalkan kewajipan solat.

Pengabaian solat turut berlaku dalam kalangan remaja Muslim. Faktor kekurangan pendedahan asas ilmu solat menjadi salah satu penyebab mereka meninggalkan solat. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan Hasna Bin Bidin (2016) yang mendapati pengamalan solat dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Johor berada pada tahap sederhana rendah. Perkara ini berlaku ekoran kurang ilmu pengetahuan berkaitan solat fardu dan pelaksanaannya. Kajian Hasna (2016) turut mendedahkan kefahaman pelajar kolej berkaitan solat adalah memuaskan, tetapi pelaksanaan solat mereka sehari-hari adalah lemah dan mendukacitakan.

Namun begitu, kajian tersebut hanyalah fokus kepada pelajar di sebuah kolej dan ianya tidak boleh dijadikan ukuran untuk menggambarkan situasi sebenar pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di universiti awam. Walau bagaimanapun, faktor kekurangan pendedahan asas ilmu solat dan cara melaksanakannya dapat dijadikan salah satu faktor yang dapat menyumbang kepada kurangnya pengamalan solat di kalangan pelajar (Firda, H., 2022). di Johor. Hal ini demikian kerana, sekiranya seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan asas tentang solat yang kukuh individu tersebut akan melaksanakan solat tersebut tanpa merasa was-was atau kurang pasti terhadap ibadah yang dilakukannya.

Selain itu, faktor yang mempengaruhi kekerapan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar adalah penglibatan ibu bapa pelajar. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Zamli, R. R. (2018) mendedahkan bahawa kecemerlangan dan keseimbangan antara kemajuan dan dalam usaha membangunkan modal insan yang berjaya dari peringkat kelahiran hingga ke peringkat dewasa secara kritis dan realiti merujuk kepada kesungguhan institusi kekeluargaan khususnya ibu bapa yang paling hampir dengan anak-anak mereka.

Untuk menegaskan lagi, Nabi Muhammad SAW ada menyatakan dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A dengan mafhumnya:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهُوَّدِيهُ وَيُنَصِّرِّيهُ وَيُشَرِّكَاهُ

Yang bermaksud: “Tidaklah seorang bayi yang dilahirkan melainkan dalam keadaan fitrah, maka Kedua orang tuanya lah yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani atau Musyrik.” (Sahih Muslim).

Hadis di atas dengan jelas menerangkan tentang pengaruh ibu bapa terhadap cara anak mereka diasuh bak peribahasa melayu begitu acuannya begitulah kuihnya. Keruntuhan dan keceluaran personaliti anak-anak ketika mereka mula mengenal kehidupan berkait rapat dengan pendidikan yang diberikan oleh kedua ibubapa mereka.

Selain itu, faktor persekitaran turut mempengaruhi kekerapan solat dalam kalangan pelajar. Menurut Nor Kamariah (2013) menyatakan bahawa pelajar mudah terdedah kepada perkara-perkara yang negatif seperti bercakap kasar, vandalisme, kes buli dan sebagainya. Hal ini turut dapat mempengaruhi pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar. Persekitaran yang memberi tumpuan kepada penjagaan solat akan dapat membantu orang-orang yang berada disekelilingnya menjaga kewajipan solat.

Kajian yang dilakukan oleh Shukri Ahmad et al. (2014) mendapati sebahagian besar pelajar Universiti Utara Malaysia tidak menjadikan amalan solat sebagai suatu kemestian disebabkan faktor latar belakang keluarga yang kurang didikan agama, kesibukan aktiviti dalam kampus, teknologi media, kurang bimbingan agama, persekitaran dan rakan-rakan yang mempengaruhi pengabaian solat dalam kalangan mahasiswa.

Tuntasnya pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar perlu kepada perhatian dan sokongan semua pihak. Pengabaian solat menunjukkan lemahnya imam seorang Muslim, bahkan dikategori sebagai Muslim yang berdosa.

#### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Satu set soal selidik sebagai instrumen kajian ini sebagai kaedah mendapatkan data primer. Pautan soal selidik melalui google form yang telah disiapkan, disebarluaskan melalui media sosial seperti WhatsApp dan Telegram. Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar UTHM di Kampus Pagoh dari semester 1 hingga semester 8. Pensampelan rawak mudah telah digunakan dalam pemilihan responden. Seramai 100 responden yang terpilih telah menjawab soalan-soalan yang disediakan.

Soal selidik kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A mengumpulkan data peribadi responden yang dinamakan demografi responden yang merangkumi jantina, negeri, bangsa dan umur. Manakala dalam bahagian B berkaitan persepsi pelajar tentang perlaksanaan solat. Pada bahagian C, faktor perlaksanaan solat dalam kalangan pelajar dan soalan dalam bahagian C adalah berkaitan strategi bagi mengalakkan pelajar universiti untuk menuaikan solat. Selain itu, data sekunder kajian ini diperolehi melalui buku, jurnal, keratan akhabar, mahupun tesis yang berkaitan dengan tajuk penulisan kajian ini. Setiap kutipan daripada rujukan telah dinyatakan dalam rujukan kajian ini.


#### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

Dalam bahagian dapatan kajian, demografi responden dan dapatan soal selidik yang mengenai dengan tiga objektif kajian akan dibincangkan. Semua responden dalam kajian ini merupakan pelajar Institut Pengajian Tinggi di Pagoh.

## 5.1 Demografi Responden

Dalam kajian dan soal selidik ini, terdapat 100 orang responden yang telah mengambil bahagian dalam menjawab borang soal selidik yang telah disediakan. Pelajar yang menjawab borang soal selidik ini merupakan pelajar daripada Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN).


### 1. Jantina



Rajah 1: Carta Pai Demografi Responden berdasarkan Jantina

Berdasarkan carta pai di atas, sejumlah 100 orang responden telah menjawab soal selidik berkaitan dengan solat. Seramai 55 orang responden adalah daripada lelaki dan peratusan adalah 55% merupakan jantina yang paling tinggi berbanding dengan jantina perempuan sebanyak 45 orang responden bersamaan 45%.


### 2. Umur



Rajah 2: Carta Pai Demografi Responden berdasarkan Umur

Carta pai di atas menunjukkan data berkaitan umur responden yang telah mengambil tempat dalam menjayakan kajian ini. Sejumlah 71 orang responden iaitu anggaran umurnya adalah antara 21 hingga 25 merupakan jumlah yang paling tinggi dengan peratusan 71% diikuti kedua tertinggi umur di antara 18 hingga 20 dengan sejumlah 21 orang bersamaan 21%. Manakala jumlah yang paling terendah adalah 1% dengan 1 orang responden sahaja di mana umurnya adalah 30 tahun dan ke atas.


### 3. Negeri



Rajah 3: Carta Pai Demografi Responden berdasarkan Negeri

Data di atas menunjukkan negeri asal responden. Negeri yang paling tertinggi dalam kalangan responden adalah berasal dari negeri Selangor dengan sejumlah 13 orang responden dan mewakili 12.9% mendahului di dalam carta. Manakala pelajar yang berasal dari Johor sebanyak 11.9% bersamaan 12 bilangan responden. Dalam masa yang sama, Melaka, Perak, Kedah dan Kelantan sama-sama menyumbang kepada 8.9% mewakili 9 orang bagi setiap negeri masing masing.

### 4. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)



Rajah 4: Carta Pai Demografi Responden berdasarkan IPTA

Responden yang belajar di UTHM merupakan bilangan peratusan responden yang paling tertinggi dengan sejumlah 46% mewakili 46 pelajar. Manakala responden dari IIUA seramai 27% (27 responden). Responden pelajar politeknik dengan sebanyak 19% (19 responden) dan responden UTM paling terendah sejumlah 8% mewakili 8 responden.


## 5.2 Dapatan Soal Selidik

Dapatan daripada soal selidik ini telah menunjukkan peratusan tentang faktor pelaksanaan solat dalam kalangan perlajar, persepsi tentang pelaksanaan solat dan strategi yang diaplikasikan untuk menggalakkan pelajar universiti melaksanakan solat. Hasil daripada dapatan soal selidik ini akan diuraikan mengikut objektif kajian. Jadual di bawah menggunakan Skala Likert lima peringkat yang telah disertakan di dalam borang soal selidik.

**Jadual 1:** Skala Likert Lima Peringkat

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju

## Bahagian B: Faktor Perlaksanaan Solat Di Universiti Awam



**Rajah 5:** Carta Bar Faktor Pelaksanaan Solat di Universiti Awam

**Jadual 2:** Borang Soal Selidik Untuk Bahagian B

Bil	Item	Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
1	Adakah terdapat kemudahan atau fasiliti yang disediakan oleh universiti untuk memudahkan pelajar dalam menunaikan solat?	0	0	6	49	44

2	Adakah terdapat program-program atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti untuk meningkatkan kefahaman dan amalan solat di universiti awam?	0	0	10	66	23
3	Adakah didikan dari keluarga menjadi salah satu faktor yang mendorong pelajar awam dalam menjaga solat di universiti awam?	0	1	6	45	47
4	Adakah anda bersetuju jadual pelajar yang padat dengan kuliah, program dan tugas merupakan faktor utama yang mempengaruhi solat di universiti awam?	11	10	18	48	12
5	Adakah terdapat sokongan dari komuniti pelajar atau program kesedaran agama yang membantu dalam mendorong mengamalkan solat di kalangan pelajar?	0	6	16	61	16

---

Petunjuk: 1 – Sangat Tidak Setuju 2 – Tidak Setuju 3 – Tidak Pasti  
4 – Setuju 5 – Sangat Setuju

---

Berdasarkan borang soal selidik untuk bahagian B iaitu faktor pelaksanaan solat di universiti awam, soalan 1 yang telah dikemukakan kepada responden adalah adakah terdapat program-program atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti untuk meningkatkan kefahaman dan amalan solat di universiti awam. Sebanyak 49% daripada 100 responden di kalangan pelajar bersetuju tentang soalan yang telah diutarakan. Manakala 44% daripada keseluruhan responden menyatakan sangat setuju dimana terdapat kemudahan atau fasiliti yang disediakan oleh universiti untuk memudahkan pelajar dalam menunaikan solat. Selain itu, sebilangan kecil di mana 6% tidak pasti sama ada terdapat kemudahan untuk menunaikan solat atau tidak.

Seterusnya, soalan kedua berkaitan program atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti untuk meningkatkan kefahaman dan amalan solat di universiti awam. Lebih separuh daripada keseluruhan jumlah responden menjawab setuju iaitu bersamaan 66%. Di samping itu, peratusan kedua tertinggi adalah setuju dimana data yang telah ditunjukkan adalah 23% dan paling terendah adalah sejumlah 10% dimana mereka menjawab tidak pasti.


Selain itu, responden yang tertinggi bagi soalan ketiga adalah mereka menjawab sangat setuju bagi kenyataan didikan dari keluarga menjadi salah satu faktor yang mendorong pelajar awam dalam menjaga solat di universiti awam iaitu sebanyak 47% dan diikuti dengan sejumlah 45% daripada semua responden menjawab setuju. Dalam masa yang sama, terdapat juga responden menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 6% dan minoriti adalah tidak setuju sebanyak 1%.

Di samping itu, sebanyak 48% daripada keseluruhan responden menjawab setuju di mana soalan yang diajukan adalah adakah anda bersetuju jadual pelajar yang padat dengan kuliah, program dan tugas merupakan faktor utama yang mempengaruhi solat di universiti. Seterusnya responden juga menjawab sangat setuju dan tidak pasti di mana kedua dua peratusannya adalah masing-masing 12%

dan 18%. Dalam masa yang sama, peratusan yang paling terendah bagi soalan 4 ini adalah responden menjawab tidak setuju dan nilai peratusnya adalah 10%.

Bagi soalan yang terakhir bahagian B, adakah terdapat sokongan dari komuniti pelajar atau program kesedaran agama yang membantu dalam mendorong mengamalkan solat di kalangan pelajar. Lebih daripada separuh responden menjawab setuju dengan peratusan tertinggi iaitu 61% manakala peratusan terendah bersamaan 6% responden menjawab tidak setuju. Di samping itu, terdapat dua nilai peratusan yang sama dimana masing-masing mempunyai sebanyak 16% untuk sangat setuju dan tidak pasti.

### Bahagian C: Persepsi Pelajar Tentang Perlaksanaan Solat Di Universiti Awam



**Rajah 6:** Carta Bar Prestasi Pelajar Tentang Perlaksanaan Solat di Universiti Awan

**Jadual 3:** Persepsi Pelajar Tentang Perlaksanaan Solat Di Universiti Awam

Bil	Soalan	Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
1	Adakah pelajar cenderung untuk menunaikan solat tepat pada waktunya?	0	5	28	43	24
2	Adakah anda sebagai pelajar muslim bersetuju solat adalah penting untuk dilaksanakan walaupun anda sedang sibuk,berada di atas jalan ataupun sakit?	0	0	7	51	42
3	Adakah anda setuju dengan mendalami dan memahami kepentingan solat dapat memberi kesedaran kepada anda untuk tidak meninggalkan atau melewatkkan solat fardhu?	0	2	9	59	30

4	Sebagai seorang pelajar yang sibuk menghadiri kelas dan menyiapkan tugas, adakah solat anda sering tertinggal?	13	19	11	48	9
5	Adakah terdapat faktor-faktor tertentu dalam persekitaran universiti awam yang membantu atau menghalang pelajar daripada menunaikan solat dengan konsisten?	1	9	21	58	11

Petunjuk: 1 – Sangat Tidak Setuju 2 – Tidak Setuju 3 – Tidak Pasti  
4 – Setuju 5 – Sangat Setuju

Di dalam bahagian ini, dapatan daripada kalangan pelajar universiti awam menunjukkan majoriti sebanyak 43% daripada 100 orang responden bersetuju bahawa pelajar cenderung untuk menunaikan solat tepat pada waktunya, manakala 24% lagi responden berpendapat sangat setuju mengenainya. Minoriti daripada kalangan responden iaitu sebanyak 5% tidak setuju dengan kenyataan dimana pelajar cenderung untuk menunaikan solat tepat pada waktunya 28% selebihnya menjawab tidak pasti mengenai soalan ini.


Seterusnya, bagi soalan kedua dalam bahagian ini menunjukkan sebanyak 51% daripada bilangan responden bersetuju dan 42% lagi sangat bersetuju dimana solat adalah penting untuk dilaksanakan walaupun dalam keadaan sibuk. 7% responden selebihnya menyatakan mereka tidak pasti dengan kenyataan soalan ini.

Selanjutnya, dapatan data bagi soalan ketiga menunjukkan 59% responden bersetuju bahawa dengan mendalami dan memahami kepentingan solat dapat memberi kesedaran kepada diri untuk tidak meninggalkan atau melewatkkan solat fardhu. Manakala 30% laginya sangat setuju dengan pandangan ini. 2% daripada bilangan responden pula tidak bersetuju dengan pandangan ini dan 9% selebihnya menjawab tidak pasti dengan persoalan ini.

Selain itu, turut dapat dilihat juga daripada data yang diperoleh, 48% daripada bilangan responden bersetuju bahawa sebagai seorang pelajar yang kerap menghadiri kelas dan menyiapkan tugas sering kali tertinggal menunaikan solat. 9% lagi memberi jawapan sangat setuju. Namun begitu, segelintir daripada mereka tidak bersetuju dengan kenyataan dimana jadual yang padat dan tugas yang banyak menjadi penghalang untuk seorang pelajar menunaikan solat serta 13% lagi memberi jawapan sangat tidak setuju. 11% responden memberi jawapan tidak pasti terhadap soalan yang keempat.

Akhir sekali, dapatan yang diperolehi oleh soalan terakhir dalam bahagian ini menunjukkan sebanyak 58% daripada keseluruhan responden bersetuju sementara 11% lagi menjawab sangat setuju bahawa terdapat faktor-faktor tertentu dalam persekitaran universiti awam yang membantu atau menghalang pelajar daripada menunaikan solat dengan konsisten. Dapat juga diperhatikan bahawa sebanyak 9% responden tidak bersetuju dengan kenyataan soalan ke-5 dan 1% lagi menjawab sangat tidak setuju. 21% respondenpula menyatakan mereka tidak sama ada terdapat faktor-faktor tertentu dalam persekitaran universiti awam yang membantu atau menghalang pelajar daripada menunaikan solat dengan konsisten.

#### Bahagian D: Strategi Bagi Mengalakkan Pelajar Universiti Untuk Menunaikan Solat



**Rajah 7:** Strategi Yang Boleh Digunakan Untuk Menggalakkan Pelajar Universiti Untuk Solat

**Jadual 4:** Strategi Bagi Mengalakkan Pelajar Universiti Untuk Menunaikan Solat

Bil	Soalan	Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
1	Adakah pihak universiti perlu mempunyai kerjasama dengan pihak luar seperti jabatan agama dalam memotivasi pelajar dalam melaksanakan solat?	0	1	13	55	31
2	Adakah pihak universiti perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar menunaikan solat?	0	6	10	65	19
3	Adakah program "subuh macam jumaat" salah satu alternatif yang menggalakkan pelajar untuk solat bagi menarik ramai muslim di universiti?	0	1	4	63	32
4	Adakah perlaksanaan solat dijadikan sebahagian daripada orientasi mahasiswa baru di universiti sebagai usaha untuk memperkenalkan dan menggalakkan kesedaran agama di kalangan pelajar yang baru mendaftar?	0	2	6	66	26
5	Adakah pihak universiti patut menggunakan teknologi dan media sosial untuk menyebarkan maklumat dan menggalakkan pelajar untuk melaksanakan solat dengan lebih berkualiti?	0	0	9	62	29

---

Petunjuk: 1 – Sangat Tidak Setuju 2 – Tidak Setuju 3 – Tidak Pasti  
4 – Setuju 5 – Sangat Setuju

---

Di dalam bahagian D, menunjukkan majoriti sebanyak 55% daripada 100 orang responden bersetuju bahawa pihak universiti perlu mempunyai kerjasama dengan pihak luar seperti jabatan agama dalam memotivasi pelajar untuk menunaikan solat. Manakala 31% lagi responden berpendapat sangat setuju mengenainya. Minoriti daripada kalangan responden iaitu sebanyak 1% tidak bersetuju dengan kenyataan dimana kerjasama antara pihak universiti dengan pihak luar dapat memotivasi pelajar untuk menunaikan solat. 13% selebihnya pula menjawab tidak pasti mengenai kenyataan ini.

Selain itu, turut dapat dilihat juga bahawa 65% daripada bilangan responden bersetuju bahawa pihak universiti perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar menunaikan solat. Manakala 19% lagi memberi jawapan sangat setuju. Namun begitu, segelintir daripada mereka iaitu sebanyak 6% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. 10% responden selebihnya pula memberi jawapan tidak pasti terhadap soalan yang kedua.

Selanjutnya, dapatan data bagi soalan ketiga menunjukkan 63% responden bersetuju bahawa program "subuh macam Jumaat" merupakan salah satu alternatif yang dapat menarik minat dan menggalakkan pelajar untuk menunaikan solat. 32% pula menjawab sangat setuju dengan pandangan ini. 1% daripada bilangan responden pula tidak bersetuju dengan pandangan ini dan 4% selebihnya menjawab tidak pasti mengenai kenyataan ini.

Seterusnya, bagi soalan ke-4 dalam bahagian ini, data menunjukkan sebanyak 66% daripada bilangan responden bersetuju dan 26% lagi sangat bersetuju dimana perlaksanaan solat dijadikan sebahagian daripada orientasi mahasiswa baru di universiti sebagai usaha untuk memperkenalkan dan menggalakkan kesedaran agama di kalangan pelajar. 2% responden pula tidak bersetuju perlaksanaan solat dijadikan sebahagian daripada orientasi mahasiswa baru di universiti dan 6% responden selebihnya menyatakan mereka tidak pasti dengan kenyataan soalan ini. Akhir sekali, berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada soalan terakhir dalam bahagian ini menunjukkan sebanyak 62% daripada keseluruhan responden bersetuju sementara 29% lagi menjawab sangat setuju bahawa pihak universiti patut menggunakan teknologi dan media sosial untuk menyebarkan maklumat dan menggalakkan pelajar untuk melaksanakan solat dengan lebih berkualiti. Bagi 9% responden selebihnya menyatakan mereka tidak sama ada pihak universiti patut menggunakan teknologi dan media sosial untuk menyebarkan maklumat dan menggalakkan pelajar untuk melaksanakan solat di universiti.

## 6.0 PERBINCANGAN DAN ANALISIS KAJIAN

Analisis terhadap dapatan soal selidik mengenai pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar universiti awam dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama: faktor perlaksanaan solat, persepsi pelajar terhadap solat, dan strategi untuk menggalakkan solat.

Dari sudut faktor perlaksanaan solat di universiti awam (Bahagian B), menunjukkan bahawa fasiliti dan program yang dianjurkan oleh universiti memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar menunaikan solat. Kebanyakan responden bersetuju bahawa universiti menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk memudahkan pelajar melaksanakan solat (49% setuju, 44% sangat setuju), serta menganjurkan program-program yang meningkatkan kefahaman dan amalan solat (66% setuju). Pengaruh keluarga juga dianggap penting, dengan 47% pelajar sangat setuju bahawa didikan keluarga mendorong mereka menjaga solat. Dapatan kajian ini turut disokong dapatan kajian Zamli (2018) yang mendapati pengaruh ibubapa dalam penjagaan solat dalam apa jua keadaan. Namun, jadual padat kuliah dan tugas menjadi cabaran utama bagi pelajar untuk melaksanakan solat secara konsisten (48% setuju). Selain itu, sokongan dari komuniti pelajar dan program kesedaran agama turut membantu, dengan 61% responden menyatakan sokongan ini mendorong pelajar untuk mengamalkan solat.

Justeru infrastruktur universiti dan program agama secara langsung menyumbang kepada pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar. Namun, cabaran seperti jadual akademik yang padat perlu diatasi untuk memastikan solat dapat dilakukan secara konsisten.

Manakala persepsi pelajar tentang pelaksanaan solat di universiti awam di Johor (Bahagian C), mencerminkan kepentingan kesedaran individu terhadap ibadah solat. Majoriti pelajar cenderung untuk menunaikan solat tepat pada waktunya (43% setuju), dan ramai yang menganggap solat penting dilaksanakan walaupun dalam keadaan sibuk (51% setuju, 42% sangat setuju). Pemahaman mendalam mengenai kepentingan solat juga didapati memberi kesedaran kepada pelajar untuk tidak melewatkhan solat (59% setuju). Dapatan kajian ini turut disokong kajian Mahrum, M., Fahrurrozi, F., & Ramdhani, D. (2023) yang mendapati kefahaman terhadap solat dapat meningkatkan penjagaan amalan solat dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, sebilangan pelajar mengakui kerap tertinggal solat akibat kesibukan kuliah (48% setuju), dan ada juga yang tidak pasti sama ada faktor persekitaran universiti membantu atau menghalang pelaksanaan solat (21% tidak pasti). Ini menunjukkan bahawa pelajar yang memahami makna serta tujuan solat akan cenderung melihatnya sebagai aktiviti yang memberi manfaat positif dalam hidup mereka.

Namun, tidak semua pelajar memiliki persepsi yang sama. Ada yang menganggap solat sebagai beban dan tidak mampu untuk melakukannya karena harus dilakukan pada waktu-waktu tertentu di tengah kesibukan akademik dan ekstrakurikuler. Kurangnya pemahaman tentang manfaat solat juga membuat beberapa pelajar melakukannya hanya sebagai rutinitas tanpa merasakan manfaatnya. Lingkungan yang kurang mendukung, seperti teman sebaya yang tidak solat, juga dapat mempengaruhi persepsi negatif terhadap ibadah ini. Di samping itu, menyebarkan kesadaran tentang pentingnya solat tepat pada waktunya dan memastikan adanya fasilitas yang memadai bagi pelaksanaan solat di kolej kediaman mahupun di universiti dapat membantu para pelajar agar dalam melaksanakan ibadah solat dengan lebih lancar dan nyaman.

Oleh itu, kesedaran mengenai kepentingan solat wujud dalam kalangan pelajar, namun cabaran praktikal seperti kesibukan harian masih menyebabkan

sesetengah pelajar tertinggal solat. Perlu ada usaha untuk meningkatkan kesedaran dan penyelesaian praktikal bagi mengatasi cabaran ini.

Bagi strategi menggalakkan pelajar universiti untuk menunaikan solat (Bahagian D), kerjasama universiti dengan pihak luar, seperti jabatan agama, untuk memotivasi pelajar (55% setuju), serta peranan universiti dalam memastikan pelajar menunaikan solat (65% setuju) merupakan usulan yang boleh dipertimbangkan. Program "Subuh macam Jumaat" dan solat sebagai sebahagian daripada orientasi mahasiswa juga dianggap berkesan dalam menggalakkan pelajar solat (63% setuju untuk "Subuh macam Jumaat" dan 66% setuju untuk orientasi). Selain itu, penggunaan teknologi dan media sosial juga dianggap penting untuk menyebarkan maklumat berkaitan solat dan memotivasi pelajar (62% setuju). Pelajar menyokong pelbagai strategi yang melibatkan kerjasama universiti dengan pihak luar, serta pendekatan inovatif seperti program agama dan penggunaan teknologi untuk menggalakkan solat. Strategi-strategi ini perlu diterapkan secara lebih meluas dan konsisten.

Justeru daptan soal selidik ini menunjukkan bahawa fasiliti dan program agama di universiti, pengaruh keluarga, dan strategi yang melibatkan kerjasama dengan pihak luar memainkan peranan penting dalam pelaksanaan solat. Namun, cabaran seperti jadual padat dan kekurangan kesedaran perlu diatasi melalui pendekatan yang lebih proaktif, termasuk penggunaan teknologi dan penglibatan komuniti.

## 7.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan solat dalam kehidupan Muslim merupakan bukti ketiaatan kepada penciptanya. Pelajar Muslim perlu menguruskan masa dalam pembelajaran dan kewajipan menunaikan solat. Bahkan pengurusan masa seperti ini dapat membantu mengatur kehidupan harian pelajar dalam mendepani beban dan kesibukan belajar dengan aktiviti lainnya. Hal ini membolehkan pelajar untuk menumpukan perhatian dan refleksi diri agar dapat meningkatkan fokus semasa belajar.

Seterusnya, hasil daptan juga menunjukkan amalan solat merupakan salah satu amalan yang dapat menguatkan hubungan pelajar dengan Tuhan, dimana hal ini boleh menjadi sumber kekuatan dan ketenangan dalam menghadapi tekanan atau cabaran. Melaksanakan solat secara berjemaah juga dapat membina dan memperkuatkan hubungan sosial antara pelajar. Hal ini memberikan manfaat dalam membangun jaringan sokongan sosial yang kuat, dimana ia dapat membantu pelajar dalam masa-masa sukar.

Justeru diharapkan agar semua pihak memberikan perhatian dan mencari serta menyediakan strategi bagi meningkatkan tahap penghayatan solat di kalangan mahasiswa universiti awam di Johor. Peranan ibu bapa dan orang sekeliling sememangnya tidak dapat dinafikan sangat penting dalam proses membentuk keperibadian seseorang pelajar berintegriti dalam kehidupan mereka. Di samping itu, diharapkan juga kajian ini dapat membuka minda semua pihak supaya sentiasa memberi perhatian dan mengambil berat terhadap arahan Allah SWT serta meyakini bahawa pensyariatan solat adalah untuk kemaslahatan dan kekuatan ummah.

## Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada Pejabat Penerbit UTHM atas tajaan kepada penerbitan artikel kajian ini.

## Sumbangan Pengarang

Para pengkaji memberikan sumbangan mempersiapkan kajian ini seperti berikut: Konsep kajian disiapkan Faisal Bin Husen Ismail dan Mohd Shafiq Bin Sahimi; pengumpulan data dilakukan oleh Abd Sahkor bin Borham dan Faishal Zakaria; Analisa kajian dan perbincangan dibuat oleh Faisal Bin Husen Ismail dan Shakila Ahmad; manakala draft dan penulisan akhir dilakukan oleh Faisal Bin Husen Ismail dan Mohd Shafiq bin Sahimi. Semua penulis terlibat dalam semakan akhir kertas kajian ini.

## Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Abdullah, A. S., & Ahmad, N. M. (2023). Maqasid Al-Syariah Dan Hubungkaitannya Dengan Hak Kebebasan Beragama Di Malaysia (Maqasid Al-Syariah and Its Relation with Freedom of Religion in Malaysia). UMRAN-*Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(2), 71-81
- Ahmad, S., Don, Y., Wan Abdullah, W. A. R. K., Mohammed Ibrahim, M., & Mat Hussain, S. F. (2014). *Penghayatan solat dan pengimaranan masjid: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*
- Al-Athqalani, I. H. (1348 H). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Kairo: Maktabah al-Bahriyat
- Al-Bukhari, A. A. M. I. (1995). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bidin, H. (2016). *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Fakulti Tamadun Islam: Universiti Teknologi Malaysia
- Firda, H. (2022). *Peran Guru Pendidikan Agama Islam Terhadap Pengamalan Ibadah Shalat Zuhur Peserta Didik Smp Yasmida Ambarawa Kabupaten Pringsewu* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung)
- Hamid, Z. A., Othman, J., Ahmad, A., & Ismail, I. A. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40
- Husin, R. A. R. & Fazil, H. A. (2022). *Amalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajart Muslim: Tinjauan di IPT Sabah*. Politeknik Kota Kinabalu
- Ibrahim, M. Y. (2019). Sekularisme: faktor, penyebaran dan langkah mengatasinya dari sudut pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202-216.

- Ismail, H. (2010). Pengalaman Solat Fardhu Di Kalangan Mahasiswa Di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu. Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Ismail, F. B. H., Kirin, A., Masruri, M., & Marpuah, S. (2020). The Impact of Covid-19 Pandemic to Worship. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(11), 244-258
- Ismail, F. H., Masruri, M., Kirin, A., Sharifuddin, A., & Muzana, Z. (2021). Pencegahan Penularan Covid-19: Analisis Persediaan Menurut Islam. *Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 4(3), 55-75
- Kamariah, N. (2013). *Integrasi Pengajian Tahfiz al-Quran dan akademik di Maahad Hafiz Klang*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahrum, M., Fahrurrozi, F., & Ramdhani, D. (2023). Implementasi Pembelajaran Fiqih Ibadah Dalam Meningkatkan Kesadaran Ibadah Shalat Fardu Peserta Didik (Studi Kasus Di Mts Nw Ijobalit) Kecamatan Labuhan Haji Kabupaten Lombok Timur. *Jurnal Ilmiah Mandala Education*, 9(1)
- Marzuki, M. K., Abd Rahman, M. M., & Ismail, A. (2018). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di uitm kelantan kampus kota bharu. *Albasirah Journal*, 8(2), 11-22
- Nirwana, A., Hidayat, S., Hayati, H., Furqan, F., Arfan, F., & Fitria, S. (2020). Sosialisasi dan Konsolidasi Program Remaja Masjid/Remas terhadap Transformasi Akhlak Remaja. *MONSU'ANI TANO Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 3(1)
- Ramyani, I. (2022). Konsep Ikhlas dalam Implementasi Daqu Method di Pesantren Tahfizh Darul Qur'an Bandung. *Jurnal Riset Agama*, 2(2), 431-444.
- Shafi, S. M., Awang, M. Z., Ramli, N. A. A., Subhan, I. A., & Mas'ud, I. (2021). Pelaksanaan Amalan Chaplaincy Muslim di Hospital Mesra Ibadah (HMI). *Ulam Islamiyyah*, 33(S5), 153-170
- Sulong, J., & Ismail, F. H. (2010). Kesejahteraan Sejagat: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Syariah. *Jurnal Usuluddin*, 31, 79-96
- Xavier, M., & Meneses, J. (2022). Persistence and Time Challenges In An Open Online University: A Case Study of The Experiences of First-Year Learners. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 19(1), 31.
- Zahari, S. Z. M., Mohamed, A., Azmi, F., Othman, M. M., Malkan, S. N. A., & Hassan, N. H. C. (2024). Pemerkasaan Kesejahteraan Diri Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pelaksanaan Amalan Spiritual Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 9(54)
- Zamli, R. R. (2018). *Komponen Ibadah Dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan di Kuching, Sarawak* (Master's thesis, University of Malaya (Malaysia))